



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	5/12/2019	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



Air Sungai Golok yang melimpah hingga ke kawasan sempadan.

Sempadan Malaysia-Thailand dikawal ketat

KOTA BHARU - Polis Kelantan memperketat kawalan di sempadan Malaysia-Thailand susulan limpahan air Sungai Golok pada gelombang pertama musim tengkujuh yang melanda negeri itu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, air Sungai Golok yang melimpah sejak Jumaat lalu menyebabkan kawasan sempadan menjadi luas seperti lautan.

"Keadaan paras air di Sungai Golok meningkat susulan hujan berterusan selama beberapa hari di Rantau Panjang dan menyebabkannya melimpah sehingga garisan sempadan antara kedua-dua negara tidak dapat dilihat dengan jelas.

"Bagaimanapun, saya tegaskan kawalan tetap ada dan diperketatkan bagi mengelak dibolosi penyeludup yang cuba membawa barangan terlarang ke negara ini," katanya pada sidang akhbar Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Hasanuddin berkata, keadaan terkini kawasan sempadan negara masih dinaiki air dan pihaknya mengadakan rondaan kawalan secara kerap melalui Pasukan Gerakan Am dan Pasukan Polis Marin selain kawalan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, lapan daripada keseluruhan 55 balai polis yang ada di 10

daerah di negeri itu dinaiki air namun tidak menjejaskan penugasan pihak berkuasa berkenaan.

"Air naik kira-kira 0.5 meter ke dalam tiga balai iaitu Balai Polis Rantau Panjang, Balai Polis Kuala Jambu dan Balai Polis Simpangan di Tumpat.

"Sementara di balai-balai lain, air naik di sekitar pekarangan dan sudah mulai surut. Operasi balai berjalan seperti biasa," katanya.

Sementara itu, sehingga jam 6 petang semalam, jumlah mangsa banjir di Kelantan ialah seramai 12,360 mangsa melibatkan 4,712 keluarga yang ditempatkan di 34 pusat pemindahan sementara (PPS).